

# UMSKAL jalin kerjasama dengan Jasra dan Royal Brunei

UB 15.5.2014 04

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mengadakan jalinan kerjasama dengan Jasra Sdn Bhd dan Royal Brunei Airlines (RBA) sempena lawatan kerja universiti itu ke negara Brunei Darussalam pada 12-14 Mei lalu.

Lawatan sambil belajar selama tiga hari itu diketuai Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Ismail Ali bersama timbalannya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal.

Turut menyertai rombongan UMSKAL ialah tiga pensyarah kanan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) iaitu Dr Mohd Rizal Abd Hamid, Abd Kamal Char dan Raymond Liew Anak Lubang.

Selain itu, Ketua Bahagian Perpustakaan Baharin Entoh, Ketua Bahagian Sukan dan Rekreasi Gabriel Moinjil, dan Ketua Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan Mohd Azrie Ag Tanjong

Enam lagi pegawai dan kakitangan yang berada dalam rombongan itu ialah Awangku Azanul Azhar Pg Arshad, Che Din Md Salleh, Azri Onn Othman, Jasry Japar, A Roslee A Karim dan Jais Osman selaku penyelar program.

Ismail yang mewakili Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, pihak universiti mengadakan lawatan itu untuk mempromosi program



**GEOFFREY (enam kiri) bersama rombongan UMSKAL merakam kenangan di hadapan Boeing 787 di Hangar RBA.**

yang terdapat di SPKAL dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) kepada warga negara minyak itu.

Sehubungan itu katanya, pensyarah dan pelajar di kedua-dua sekolah itu akan mengadakan perbincangan lebih lanjut bagi memastikan pelajar memperoleh manfaat khususnya di bidang pendidikan dan latihan industri di Brunei Darussalam.

Beliau berkata, pihaknya akan mengadakan jalinan kerjasama dengan tiga agensi iaitu Jasra, RBA dan Seameo Voctech (Southeast Ministers of Education Organisations Regional Centre Vocational and Technical Education and Training) bukan sahaja untuk mempromosikan universiti tetapi juga tempat untuk

pelajar menjalani latihan industri dan kemahiran.

"UMSKAL akan menjalinkan lebih banyak kerjasama dengan Jasra, Royal Brunei Airlines dan Seameo Voctech sesuai dengan kedudukan Wilayah Persekutuan Labuan yang hampir dengan Brunei Darussalam," katanya sambil merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas layanan baik dan mesra Jasra dan RBA.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menamatkan lawatan tiga hari ke negara itu kelmarin.

Satu-satunya pengalaman yang sukar dilupakan oleh ahli rombongan ialah lawatan ke RBA dengan melihat sendiri kecanggihan Boeing 787.

Che Din berkata, lawatan ke Hangar RBA adalah satu pengalaman yang berharga dan sukar dilupakan kerana diberi peluang menaiki pesawat besar itu.

Katanya, kecanggihan pesawat berkenaan bukan sahaja memukau ahli rombongan UMSKAL tetapi juga memberi lebih pengetahuan mengenai bidang penyelenggaraan.

Taklimat di Hangar RBA disampaikan oleh Pengarah Teknikal RBA Technical Training Jefri haji Yahya dan Instruktur Ramlee Ahmad.

Sementara Jasra pula merupakan syarikat minyak dan gas, pengedar produk Nestle, pengendali kereta sewa dan jentera berat di seluruh Brunei.

Penyelaras program Jais Osman turut mengatur tiga perlawanan persahabatan iaitu golf dengan Jasra yang diketuai Pengarah Urusannya Pengiran Haji Ahmad Pg Jaya Negara Pg Haji Abdul Rahman dan Pengurus Besar Haji Ibrahim Haji Dawok.

Pemain UMSKAL turut menentang RBA dalam acara futsal dan badminton di Kelab Sukan dan Rekreasi RBA yang diketuai Pengurus Besarnya Haji Kadri Haji Abd Hamid.

Program ke RBA itu adalah lawatan balas selepas RBA melawat UMSKAL pada November 2013.

Ismail turut mempelawa pengurusan Jasra melawat UMSKAL khasnya dan Wilayah Persekutuan Labuan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.



**GEOFFREY bersama ahli rombongan berpeluang melihat sendiri Boeing 787.**